

Peraduan silat k-undi dianjurkan

PERSATUAN SILAT Singapura (Persisi) ber-cadang menganjurkan pertandingan silat antara kawasan-undi bagi peringkat junior pada tahun ini.

Sungguhpun belum diketahui tarikh pertandingan ini, tetapi, setiausaha Persisi, Encik Johari Uriff menegaskan bahawa bagi tahun pertama ini, kejohanan ini hanya akan dijalankan bagi peringkat junior saja.

Masalah

"Jika ia berjaya dan mendapat sambutan yang menggallakkan, kami akan meluaskan lagi pertandingan ini meliputi bahagian senior dan lebih banyak kawasan-undi lagi," katanya.

Dia menjelaskan bahawa untuk tahun pertama ini, pertandingan hanya akan dijalankan antara silat yang sama jenisnya saja walaupun dia tidak menafikan kemungkinan peraduan ini akan meliputi jenis silat yang lain bila telah sampai masanya.

Untuk pertandingan junior ini, peserta-peserta akan dibahagikan mengikut kumpulan umur dan berat badan mereka untuk sesuatu bahagian.

Katanya, bagi tahun pertama ini, besar kemungkinan jenis silat yang akan dijalankan dalam peraduan itu ialah

seni silat gayung yang dianggap "mempunyai ramai pengikutnya" dan ia diajar di kebanyakan balai-balai rakyat di sini.

Pertikaian

"Ini adalah untuk memudahkan usaha menganjurkan pertandingan ini. Kami menjangka akan menghadapi beberapa masalah dalam pertandingan pertama ini. Oleh itu, kami hanya akan menjalankan pertandingan untuk silat yang sama jenis saja pada tahun pertama ini," tegasnya lagi.

Pertandingan yang akan dijalankan dalam kejohanan pertama ini ialah

pertarungan (sparring) dan jurus serta langkah silat-silat itu.

Bagi melicinkan urusan pertandingan, satu lembaga juri akan dibentuk untuk menguruskan sebarang pertikaian dan bantahan yang timbul dalam kejohanan itu.

Dia menjelaskan lagi bahawa pertandingan yang dijalankan ini adalah berdasarkan kepada silat sebagai satu cabang sukan dan tidak lebih dari itu.

Juga, katanya, bahawa pertandingan ini terbuka kepada semua bangsa "yang mengikuti kursus silat itu" dan tidak semata-mata kepada satu-satu bangsa saja.

Peraduan sejarah Islam: Tarikh tutup ditunda

TARIKH penutup bagi menyertai peraduan mengarang sejarah Islam sempena dengan sambutan Maulud anjuran Persatuan Pencak silat Singapura (Persisi) telah ditund hingga ke hujung bulan ini.

Tundaan ini telah dipertujui oleh jawatankuasanya dalam satu mesyuarat yang diadakan semalam memandangkan kurangnya sambutan dari para peserta.

Pegawai penerangan Perpensis, Encik A. Karim Maidin memberitahu bahawa hanya 65 borang saja yang diterima dari 400 borang yang disediakan untuk peraduan ini.

"Oleh itu, pihak kami telah bersetuju untuk menunda tarikh penutupnya hingga 28 Februari ini bagi membuka peluang kepada para pelajar untuk menyertainya."

Peraduan yang dianjurkan itu terbahagi kepada tiga bahagian iaitu A, B dan C.

Bahagian A dikhaskan untuk mereka yang berusia ke bawah 12 tahun dengan tajuk yang diberi "Kehidupan Rasulullah sebelum menjadi Nabi" dan ia hendaklah ditulis antara 200 hingga 300 perkataan.

Hadiah

Bahagian B untuk mereka yang berusia 12 hingga 15 tahun, dengan tajuk "Riwayat Saiyidina Abu Bakar dalam mempertahankan Islam" dan mestilah ditulis antara 500 dengan 700 perkataan.

Bahagian C pula untuk mereka yang berada di menengah empat dan prau di mana mereka dikehendaki menulis antara 1,000 dengan 1,500 perkataan dalam tajuk yang diberi "Islam sebagai konsep hidup."

Hadiah-hadiah yang disediakan berupa wang-tunai iaitu pertama \$100, kedua \$50 dan ketiga \$25 untuk semua bahagian. Di samping itu terdapat juga hadiah-hadiah pemenang saguhati.

Mereka masih boleh mendapatkan keterangan lanjut dari setiausaha peraduan karangan Perpensis di No. 9, Ipoh Lane dan semua karangan mestilah sampai tidak lewat dari tarikh yang telah ditetapkan.